

**Ooi Kecewa Cubaan Hidupkan Kembali Komunis
Bernama
Julai 25, 2011**

BALING, 25 Julai (Bernama) -- Sejarah keganasan komunis sewaktu zaman darurat masih menjadi ingatan segar bekas anggota pasukan keselamatan yang masih hidup dan mereka mahu rakyat menolak sebarang bentuk perjuangan komunis yang telah menyebabkan kematian rakan-rakan mereka dan orang awam tanpa mengira kaum.

Anggota Polis Khas zaman darurat, Ooi Thor Keat, 80, berharap rakyat menghargai keamanan di negara ini dan menolak sebarang usaha untuk menghidupkan kembali perjuangan komunis yang kejam.

Ooi, yang menyertai pasukan polis khas pada 1949 sewaktu berusia 18 tahun, berkata pengalaman pahit yang dilalui semasa zaman darurat akibat kekejaman komunis sukar dilupakan.

Pengalaman bertempur dengan penganas komunis di kawasan Hutan Sintok dan di kawasan hutan sempadan Malaysia-Thailand di Pengkalan Hulu (dahulunya Kroh), tetap segar dalam ingatannya.

"Saya mahu ingatkan mereka yang mahu menyokong untuk menghidupkan kembali perjuangan komunis di negara ini supaya berfikir berulang kali," katanya kepada Bernama di sini.

Polis Diraja Malaysia baru-baru ini mendedahkan ada usaha pihak tertentu yang mahu menghidupkan kembali perjuangan komunis di negara ini.

"Saya sedih bila mendapat tahu ada pihak cuba menghidupkan kembali fahaman komunis di negara ini kerana saya pernah bergadai nyawa mempertahankan negara ini sewaktu zaman darurat dahulu," kata Ooi yang kini menetap di pekan Baling.

Rasa kesal dan kecewa turut diluahkan oleh bekas anggota Askar Wataniah Halim Hassan, 76, yang sehingga kini masih teringatkan pertempuran dengan penganas komunis di Jalan Timur Barat dekat Banding, Perak, pada 15 Ogos 1977.

Dalam pertempuran itu, Halim mengalami kecederaan parah di tangan kanan, parah di bahagian perut dan pinggang serta badan dan terpaksa menerima rawatan dua bulan di Hospital Besar Pulau Pinang. Semasa sedang menerima rawatan pihak hospital nyaris memotong tangannya yang parah akibat terkena peluru.

Beliau bagaimanapun bersyukur kerana pasukannya berjaya membunuh empat penganas komunis walaupun dua rakannya terkorban.

Halim, yang kini tinggal di Kampung Simpang Pulau, Pengkalan Hulu, kesal dan sedih kerana ada pihak cuba untuk menghidupkan kembali fahaman dan perjuangan komunis yang pernah ditentangnya.

"Saya sanggup kembali memegang senjata menentang mereka yang mahu menghidupkan kembali ideologi komunis di negara ini," katanya dengan penuh semangat.

Halim berharap kerajaan terutama polis dan Kementerian dalam Negeri bertegas dalam menghapuskan anasir-anasir komunis yang mahu ideologi dan perjuangan komunis dihidupkan kembali.

"Malaysia bukan tempat untuk komunis. Kami bekas anggota pasukan keselamatan sedia bangun bila-bila masa untuk mempertahankan negara ini jika diperlukan walaupun kini kami sudah berusia emas tetapi semangat kami masih kuat," katanya.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd
Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=603726>